



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## **GARIS PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP**

# **SIRI PENYELIDIKAN PERBUKUAN MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA**



MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA  
NATIONAL BOOK COUNCIL OF MALAYSIA

**MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA  
EDISI 2021**

# **GARIS PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP BAGI SIRI PENYELIDIKAN PERBUKUAN MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA**

## **1. OBJEKTIF**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan manuskrip kepada penulis yang ingin menyumbangkan manuskrip untuk dimuatkan dalam Siri Penyelidikan Perbukuan terbitan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **2. PENGENALAN**

- 2.1 Sumbangan manuskrip bagi Siri Penyelidikan Perbukuan adalah terbuka kepada semua pegawai – pegawai pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia, pegawai – pegawai pendidikan di Kementerian Pengajian Tinggi, pensyarah, guru, pustakawan, penulis, penerbit, penggiat dan aktivis perbukuan negara.
- 2.2 Manuskrip yang ditulis adalah berdasarkan hasil kerja terkini penyelidikan. Kandungan manuskrip hendaklah dalam bentuk:
  - a) hasil kerja penyelidikan; dan
  - b) teori, penemuan, kaedah, pendekatan atau aplikasi baharu.

## **3. SYARAT PENERIMAAN**

- 3.1 Penghantaran abstrak bagi manuskrip ini hendaklah sampai kepada urusetia sebelum atau pada **31 Mac 2021**. Abstrak boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 3.2 Manuskrip yang ditulis hendaklah merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam atau luar negara.
- 3.3 Manuskrip perlu dihantar dalam bentuk Salinan lembut (*softcopy*) dalam format Microsoft Word.
- 3.4 Sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas sehingga **29 September 2021**, manuskrip tersebut dianggap tidak diterima dan penulis berhak menghantarnya ke penerbitan yang lain.

## **4. FORMAT PENULISAN**

- 4.1 Manuskrip boleh dikemukakan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

- 4.2 Wajib ditaip di atas kertas bersaiz A4 dalam jarak langkau 1.0 (single spacing) menggunakan huruf Times New Roman bersaiz 12.
- 4.3 Ukuran manuskrip dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar 2 cm pada atas, bawah, kiri dan kanan kertas.
- 4.4 Abstrak merupakan sinopsis manuskrip yang padat, ringkas dan merangkumi aspek permasalahan, objektif, kaedah, dapatan dan kesimpulan. Abstrak boleh ditulis dalam dwi Bahasa (Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris)
- 4.5 Penulis perlu memberikan tiga (3) hingga lima (5) kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak. Ia bertujuan untuk memudahkan pencarian maklumat. Tajuk kata kunci perlu ditulis menggunakan format normal dan bold. Perkataan bagi kata kuncinya berformat *Italic* bersaiz 11 dan *justified*
- 4.6 Kandungan manuskrip mestilah mengandungi perkara-perkara yang berikut:
- a. Pengenalan;
  - b. Pernyataan Masalah;
  - c. Objektif Kajian;
  - d. Persoalan Kajian;
  - e. Tinjauan Literatur;
  - f. Metodologi;
  - g. Dapatan Kajian;
  - h. Perbincangan; dan
  - i. Rumusan.
- 4.7 Setiap jadual dan gambar rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambar ajah tersebut. Jadual dan gambar rajah hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian.
- 4.8 Jadual atau gambar rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.
- 4.9 Penghargaan tidak lebih dari 50 patah perkataan (**jika ada**), diletakkan di bahagian akhir manuskrip sebelum bahagian rujukan.

- 4.10 Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam manuskrip. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah artikel. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut **American Psychological Association (APA) Citation Style 6th edition**. Rujukan pula ditulis menggunakan format normal, bersaiz 12 dan *Justified*.
- 4.11 Semua manuskrip yang diterbitkan dalam Siri Penyelidikan Perbukuan adalah menjadi hak milik mutlak MBKM. MBKM berhak menerbitkan semula manuskrip ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.
- 4.12 Manuskrip penuh hendaklah dihantar sebelum atau pada **25 Ogos 2021** mengikut format yang dinyatakan secara *softcopy* ke **e-mel mbkm.kajian@gmail.com**.
- 4.13 Penjelasan & maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi;

*Datin Siti Sarah Insyirah Abd. Rashid*  
Email : [ssarah.insyirah@moe.gov.my](mailto:ssarah.insyirah@moe.gov.my)  
No. Telefon : 03-8321 7001